



Rujukan : UKM BEN/224/8 Jld. 12
Tarikh : 14 September 2017

PEKELILING BENDAHARI BIL. 8/2017

Dekan/ Pengarah/ Ketua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Bahagian/ Jabatan/ Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia
Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Pusat Perubatan UKM

Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

GARIS PANDUAN PEROLEHAN UKM


Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

Pekeliling ini adalah bertujuan bagi menguatkuasakan Garis Panduan Perolehan UKM yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 6/2017 bertarikh 1 Jun 2017 dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui surat bertarikh 14 Februari 2017.

2. Kelulusan pindaan *Standard Operating Procedures* (SOP) ini memberi kuasa kepada Universiti melaksanakan pengurusan perolehan menggunakan peruntukan sumber dalaman.

'**Sumber dalaman**' adalah sumber pendapatan yang dijana sendiri oleh Universiti termasuklah hasil dari aktiviti Tabung Amanah, hasil yuran pelajar dan sumber penyelidikan (Geran Luar) yang diterima dari Agensi bukan kerajaan seperti dari Shell Malaysia Berhad, Sime Darby Berhad dan lain-lain lagi.

3. Garis Panduan Perolehan mengandungi polisi dan peraturan dalam pengurusan perolehan khusus kepada Jabatan Bendahari dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang diberi



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>

kuasa menguruskan urusan perolehan. Antara perkara-perkara yang diberi penekanan adalah seperti berikut;

- i. Polisi, Prinsip, Dasar, Etika dan Integriti Perolehan
- ii. Jawatankuasa Perolehan Universiti
- iii. Penggunaan sumber peruntukan dan perolehan yang digunakan
- iv. Had nilai dan pihak berkuasa melulus
- v. Prosedur perolehan
- vi. Pemantauan perolehan
- vii. Prosedur Pengurusan Vendor (PPV)
- viii. Jadual Kadar Harga (JKH)

4. Polisi ini akan memudahkan dan mempercepatkan proses perolehan yang menggunakan sumber dalaman. Setiap proses perolehan akan diluluskan oleh Jawatankuasa Sebutharga, Lembaga Perolehan C dan LPU tertakluk kepada had kuasa yang dibenarkan.


5. Semua kakitangan dan pegawai yang bertanggungjawab menguruskan perolehan hendaklah mematuhi polisi dan peraturan yang telah ditetapkan ini. Sebarang ketidakpatuhan akan dipertanggungjawabkan kepada individu dan PTJ berkenaan. Garis Panduan Perolehan UKM ini boleh diperolehi dan dimuat turun melalui laman web Jabatan Bendahari www.ukm.my/bendahari.

6. Garis panduan ini berkuatkuasa mulai **1 Jun 2017** dan digunapakai oleh semua PTJ serta anak syarikat/ entiti perniagaan Universiti yang masih tiada polisi dan peraturan pengurusan perolehan.

Sukacita sekiranya Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat mengambil tindakan dan menyampaikan maklumat ini kepada semua pegawai dan kakitangan Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

“Akauntabiliti Pegangan Kita”



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia


Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>



Yang benar,

KHALIJAH HJ. BAKAR
Pegawai Eksekutif Kewangan
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k - Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
 - Pegawai Eksekutif Pentabdiran, UKM
 - Pegawai, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, PPUKM



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>